

PILIHAN RAYA 1969: ISU DAN KONFLIK KAUM¹

OLEH:

ABDUL HALIM RAMLI

UiTM Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Pendahuluan

Pilihan raya umum pada 1969, iaitu pilihan raya umum kali ketiga semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan telah diadakan pada 10 Mei 1969. Jumlah pengundi ketika itu berjumlah 3.3 juta orang. Terdahulu dalam pilihan raya 1964, isu utama pilihan raya ketika itu adalah konfrantasi dengan Indonesia. Isu ancaman Indonesia telah meningkatkan pencapaian Perikatan dalam pilihan raya tersebut, iaitu dengan memenangi 89 daripada 104 kerusi Parlimen atau memperoleh 58.3 peratus undi popular. Manakala dalam pilihan raya 1969, isu luar ketika itu adalah tuntutan Filipina terhadap Sabah. Isu ini tidak memberi banyak kesan kepada rakyat kerana tumpuan isu adalah lebih kepada isu dalaman.

Suasana politik di Malaysia pada tahun 1969 agak berbeza dengan suasana pilihan raya yang lalu, sama ada pada tahun 1959 atau dan 1964. Ini disebabkan berlaku perubahan sikap dan pendirian politik kaum bukan Melayu terutama berhubung isu bahasa, pendidikan, kedudukan istimewa orang Melayu dan keperihatinan terhadap kedudukan masa depan mereka di negara ini. Satu perubahan yang ketara menurut Vasil¹ ialah, kaum bukan Melayu agak keberatan untuk menerima kompromi dan persetujuan yang telah mereka buat (terutama semasa proses pembentukan Perlembagaan Merdeka dibuat). Sikap sedemikian semakin berubah terutama setelah PAP memasuki arena politik Malaysia dengan memperkenalkan gagasan “Malaysian Malaysia” dan mengasaskan idea penyatuan politik, iaitu dalam kalangan parti politik pembangkang kaum bukan Melayu, iaitu melalui penubuhan *Malaysia Solidarity National Convention* pada tahun 1965.²

Walaupun PAP berada dalam kancah politik Malaysia dalam masa yang singkat (1963-1965), tetapi kehadiran PAP telah dapat menyatukan kaum bukan Melayu dan tanpa berselindung mencabar persetujuan bersejarah antara kaum dan ketuanan Melayu.³ PAP juga telah menjadi katalis kaum bukan Melayu mempertimbangkan dengan lebih serius tindakan politik yang lebih positif bagi melindungi dan memperjuangkan kepentingan kaum mereka. Pada tahun 1969, buat pertama kalinya, parti politik pembangkang kaum bukan Melayu telah dapat mewujudkan *electoral arrangement* di kalangan mereka yang terdiri daripada DAP, PPP dan Gerakan. Percaturan ini membolehkan mereka tidak bertanding melawan satu sama lain di kawasan pilihan raya yang mereka tandangi. Perkembangan ini telah menimbulkan kebimbangan orang

¹ Kertas Kerja ini dibentangkan dalam Kolokium Pusat Pendidikan Islam, UiTM Johor pada 28 September 2012.

Melayu, bahawa kerja sama tersebut memberi satu ancaman yang serius terhadap kedudukan istimewa dan penguasaan politik orang Melayu.⁴

Kelemahan kerajaan Perikatan dalam melaksanakan dasar-dasar yang memperkukuhkan kepentingan Melayu dalam aspek pendidikan, bahasa, ekonomi, budaya, politik dan agama telah dijadikan modal politik di kalangan parti politik pembangkang Melayu khususnya PAS untuk melemahkan UMNO. Semenjak daripada pilihan raya umum 1959 dan 1964, PAS telah menggunakan isu-isu tersebut terutama isu pelaksanaan Islam, dasar bahasa yang liberal dan ketempangan pelaksanaan kedudukan istimewa orang Melayu untuk menyerang UMNO. Umpamanya dalam pilihan raya 1964, UMNO didakwa oleh PAS telah mengorbankan kepentingan Melayu demi menjaga hubungannya dengan kaum bukan Melayu dan menegaskan bahawa kedudukan istimewa orang Melayu yang diberikan oleh Perlembagaan tidak mencukupi dan ia perlu dipeluas dan dikekalkan.⁵ Bahkan pada tahun 1958, Hasan Adli (Ketua Pemuda PAS) telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa PAS akan meminda Perlembagaan Persekutuan sekiranya mereka memenangi pilihan raya agar lebih mementingkan hak-hak orang Melayu.⁶ PAS telah menuduh UMNO gagal untuk merapatkan jurang ekonomi, sosial dan budaya antara orang Melayu dan kaum bukan Melayu.

Keputusan Pilihan raya 1969

Pada peringkat Parlimen, parti Perikatan telah memenangi 66 daripada 103 kerusi Parlimen dengan 48.5 peratus undi popular. UMNO memenangi 51 daripada 67 kerusi Parlimen yang mereka tandangi, MCA 13 daripada 33 dan MIC 2 daripada 3 kerusi Parlimen. Parti pembangkang, DAP memenangi 13 kerusi Parlimen, PAS 12, Gerakan 8 dan PPP 4. Pada peringkat Negeri (DUN), Perikatan memenangi 162 kerusi daripada 277 kerusi, tetapi gagal menguasai Kelantan, hampir kalah di Terengganu, kalah di Pulau Pinang, dan tidak memperoleh majoriti di Perak (memenangi 19 daripada 40 kerusi) dan Selangor (14 daripada 28 kerusi). Orang Melayu tidak begitu kisah kehilangan kuasa di Pulau Pinang kerana negeri tersebut dilihat sebagai “negeri Cina”, namun kekalahan mereka di Perak dan Selangor telah menimbulkan kebimbangan orang Melayu kerana kemungkinan kaum bukan Melayu akan dilantik menjadi Menteri Besarnya.⁷ Kemenangan tersebut telah menimbulkan kebimbangan orang Melayu, kerana kaum Cina hampir menguasai tiga buah negeri dari 11 buah negeri. Pada pandangan orang Melayu, sekiranya proses demokrasi ini berlanjutan di Malaysia, kaum Cina berkemungkinan akan menguasai enam negeri Melayu pantai Barat yang mempunyai 40 peratus penduduk Cina dan berkemungkinan menguasai kerajaan Persekutuan.⁸

Pilihan raya 1969, memperlihatkan sokongan terhadap Perikatan jatuh berbanding pada pilihan raya 1964. Sokongan terhadap parti pembangkang yang didominasi kaum Cina telah bertambah disebabkan kejayaan pembentukan gabungan parti pembangkang yang membolehkan undi kaum Cina tidak berpecah bagi menolak kerajaan Perikatan. Laporan *British High Commission* menyebutkan bahawa faktor utama kekalahan besar UMNO dalam pilihan raya 1969 adalah disebabkan orang Melayu merasakan UMNO telah gagal membuat sesuatu usaha bagi memuaskan hati orang Melayu setelah mereka diberi kuasa selama 12 tahun memimpin orang Melayu. Namun, realitinya kebanyakan orang Melayu masih tinggal di luar bandar (berada dalam kemunduran). Persetujuan kaum yang dicapai semasa merdeka tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya. Melalui persetujuan tersebut, kaum Cina telah mendapat hak kerakyatan, namun mereka telah mempersoalkan kedudukan istimewa orang Melayu yang menjadi

sebahagian daripada persetujuan tersebut. Sekiranya UMNO ingin kembali berkuasa, hak orang Melayu mestilah diperkukuhkan. Laporan itu menyebutkan,

*UMNO could continue to make concessions to the non Malays only so long as their own strength was unimpaired. Now their leaders, who had been to some extent out of touch with grass roots feeling-the Tunku above all-had to listen to the rank and file's view that the Independence bargain was no longer being applied. The Chinese still had their citizenship but were questioning the Malay's special rights which were the other half of the agreement. Those Malay rights had now to be reaffirmed or UMNO were lost.*⁹

Surat sulit yang dihantar oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur bertarikh 18 Jun 1969 kepada W.A. Ward Esq, South West Pacific Department, telah mendedahkan bahawa sokongan penuh kaum Cina terhadap parti DAP dan Gerakan disebabkan kebimbangan mereka terhadap pelaksanaan bahasa Melayu (terutama setelah pelaksanaan Akta Bahasa 1967) dan kemungkinan berlakunya perubahan terhadap sistem pendidikan. Pelaksanaan ini dilihat akan memberi kesan kepada ahli keluarga mereka untuk mendapatkan pekerjaan.¹⁰

Dalam pilihan raya 1969, sokongan orang Melayu terhadap PAS semakin bertambah, bukan sahaja di negeri-negeri pantai Timur tetapi juga di Kedah dan Perlis. Peningkatan sokongan orang Melayu terhadap PAS disebabkan dasar perjuangan PAS yang menekankan agama dan mempertahankan kepentingan Melayu. UMNO dilihat tidak "cukup Melayu". Ditambah lagi sokongan kaum bukan Melayu terhadap gagasan "Malaysian Malaysia" boleh mengancam kedudukan orang Melayu telah menyebabkan orang Melayu mahu mencari penyelesaian terhadap permasalahan tersebut. Kaum Melayu telah hilang kepercayaan kepada UMNO dengan beralih menyokong idea radikal PAS.¹¹ Di samping itu, perubahan ketara sikap dan orientasi politik kaum bukan Melayu telah mendorong kelahiran golongan radikal di dalam UMNO sendiri. Tunku Abdul Rahman telah berhadapan dengan satu tekanan yang hebat dari golongan radikal tersebut yang mahu mengubah kepimpinan UMNO. Corak pentadbiran dan kepimpinan Tunku telah dipersalahkan di atas kehilangan kuasa Melayu.

Satu kesan yang nyata daripada kempen-kempen politik yang dijalankan sepanjang pilihan raya 1969 ialah mewujudkan ketegangan hubungan kaum.¹² Tambahan pula, selepas keputusan pilihan raya diumumkan, parti Perikatan yang ditunjangi oleh UMNO telah kehilangan banyak kerusi. Keadaan ini menimbulkan perasaan cemas dalam kalangan orang Melayu, terutama di Selangor kerana parti Perikatan dan pembangkang sama-sama memperoleh 14 kerusi. Situasi ini mendorong Dato' Harus Idris, Menteri Besar Selangor ketika itu memujuk satu-satunya wakil parti Bebas, Lim Tuan Sion, iaitu bekas ahli parti Buruh untuk menyertai parti Perikatan bagi membolehkan beliau membentuk kerajaan negeri di Selangor.¹³

Keputusan pilihan raya tersebut telah diraikan oleh kaum Cina, manakala kaum Melayu merasa terperanjat dan bimbang. Di Kuala Lumpur, Parti Gerakan dan DAP Cina telah meraikan kejayaan mereka dengan mengadakan perarakan pada malam 11 dan 12 Mei 1969.¹⁴ Menurut Tunku Abdul Rahman, pada 12 Mei 1969, perarakan telah diadakan oleh parti Gerakan untuk meraikan kemenangan besar Dr. Tan Chee Khoo yang memenangi kerusi kawasan Batu, Selangor. Manakala DAP bercadang untuk membuat perarakan pada 13 Mei 1969, namun perarakan tersebut dibatalkan kerana tidak mendapat permit dari polis. Walau bagaimanapun, DAP telah bergabung dengan

perarakan yang dianjurkan oleh parti Gerakan. Namun perarakan tersebut menjadi tidak terkawal sehingga memasuki jalan Cambell dan Jalan Hale yang menghala ke Kampung Baru, di mana 30 000 orang Melayu tinggal. Di sepanjang jalan mereka telah betempik sorak dan mengejek-ejek orang Melayu.¹⁵ Perbuatan tersebut telah menimbulkan kemarahan orang Melayu seterusnya mendorong orang Melayu, khususnya UMNO mengadakan perarakan bagi merayakan kemenangan UMNO di Selangor. Keadaan ini telah membawa tercetusnya khabar angin bahawa orang Melayu telah bersedia untuk bangun menentang orang Cina. Ketika orang Melayu berkumpul di kediaman Menteri Besar, Dato' Harun Idris di Jalan Raja Muda, tiba-tiba tersebar khabar angin yang mengatakan orang Cina telah menyerang orang Melayu di Setapak ketika mereka dalam perjalanan untuk mengambil bahagian dalam perarakan yang akan bergerak dari Jalan Raja Muda. Berita ini segera menaikkan kemarahan orang Melayu sehingga menyebabkan dua orang Cina yang melalui jalan tersebut telah diserang dan dibunuh. Dengan itu, bermulalah rusuhan kaum 13 Mei yang belum pernah berlaku dalam sejarah Malaysia.¹⁶

Isu Utama

Pilihan raya 1969 memperlihatkan isu kedudukan istimewa orang Melayu telah menjadi antara isu kempen. DAP dengan dasar perjuangannya yang berteraskan gagasan Malaysian Malaysia, telah mengkritik kedudukan istimewa orang Melayu dalam pilihan raya umum 1969. Serangan parti tersebut terhadap kedudukan hak istimewa orang Melayu adalah bertujuan untuk menarik sokongan sebanyak mungkin kaum bukan Melayu terutama generasi muda bagi menyokong perjuangan mereka bagi memenangi pilihan raya umum 1969. Justeru itu, dalam kempen-kempen pilihan raya 1969, DAP telah menggunakan isu kesamarataan bagi menarik sokongan kaum bukan Melayu, terutama kaum Cina terhadap parti mereka. Perkara ini telah dinyatakan DAP dalam manifesto pilihan raya mereka pada tahun 1969 dengan menegaskan:

*“In a political democracy, all citizens, regardless of race, language or religion, enjoy equal political status, rights and opportunities. But Alliance policies tend to divide Malaysians into two unequal classes of citizens- “bumiputras” and “non-bumiputras”. This must be opposed if a firm basic is to be laid for genuine unity. All Malaysians must have an equal place under the Malaysian sun. Hence our plea for ‘A Malaysian Malaysia’.”*¹⁷

Manifesto di atas jelas menunjukkan DAP secara tegas mengkritik kedudukan istimewa orang Melayu secara *explicit* yang dianggap sebagai penghalang kepada perpaduan kaum. Bukan saja DAP mengemukakan manifesto mereka yang menolak kedudukan istimewa orang Melayu, bahkan parti PPP lebih secara terang-terangan ingin meminda Perlembagaan bagi menghapuskan kedudukan tersebut dengan menyatakan; *“It will be the determined object of the PPP to continue to strive to have the Constitution amended to abolish privilege granted to any particular race”*.¹⁸ Manakala parti Gerakan yang ditubuhkan pada tahun 1968 yang ditubuhkan atas dasar *non-communalism*, sosialisme moderate dan demokrasi tidaklah secara terang-terangan menentang kedudukan istimewa orang Melayu. Bagi Gerakan, perhatian utama perlu dilakukan untuk memperbaiki kelemahan ekonomi orang Melayu dan Bumiputera dan mereka perlu dilindungi daripada eksplotasi serta ditolong untuk bersaing dengan kaum lain di atas dasar keadilan dalam bidang perniagaan, perdagangan dan pekerjaan.¹⁹

Parti Perikatan ketika berhadapan dengan cabaran DAP tersebut telah “menyerang” kembali DAP dengan menyifatkannya sebagai sebuah parti yang anti Melayu dan dikawal oleh parti PAP di Singapura demi menjaga kepentingan mereka di Persekutuan. Tunku telah memberi amaran bahawa DAP akan menghancurkan kedudukan istimewa orang Melayu yang menyebabkan kekayaan negara akan dipegang oleh kaum bukan Melayu. Sekiranya mereka merebut hak yang diberikan kepada orang Melayu, maka orang Melayu terpaksa melarikan diri ke dalam hutan.²⁰ Persamaan yang wujud antara ideologi PAP dan DAP di Malaysia telah menyebabkan pemimpin parti Perikatan membuat tuduhan bahawa PAP mencampuri pilihan raya Malaysia dengan menyokong parti DAP, iaitu dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada DAP. Bagaimanapun, kerajaan Singapura telah menafikan tuduhan tersebut.²¹

Dalam ucapan Tunku di Kuala Pilah pada 15 April 1969, Tunku memberi amaran kepada DAP supaya tidak mencabar Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan (kedudukan hak istimewa orang Melayu) sekiranya perkara ini dilakukan pasti akan berlaku huru hara dan kesejahteraan negara akan hancur.²² Wujudnya ancaman terhadap kedudukan hak istimewa orang Melayu telah didedahkan oleh laporan yang dikeluarkan oleh *National Operation Council* (NOC) atau MEGERAN pada 9 Oktober 1969 yang menyebutkan:

*During the long election campaign, several irresponsible candidates took racialist lines. Blatant incitement of racial feelings was evident in their speeches as they courted support on racial grounds. These opportunists ranged from one extreme, those who misrepresented and attacked Article 153 of the Constitution, to the other, that exploited fears among the Malays that they would be overwhelmed by the non-Malays. Even more extreme were those who questioned the historic right of the Malays to regard themselves as indigenous people of Malaya.*²³

Di samping isu kedudukan istimewa orang Melayu, isu pendidikan terutama cadangan penubuhan Universiti Merdeka telah digunakan oleh DAP dalam kempen politik mereka bagi meraih sokongan pengundi Cina dalam pilihan raya umum 1969. Justeru itu, DAP telah menggunakan isu ini sebagai salah satu matlamat perjuangannya seperti yang dimaktubkan melalui manifesto parti tersebut di bawah tajuk “*Cultural Democracy*”. Menurut DAP, Universiti Merdeka wajar disokong oleh kerajaan kerana di bawah “*Cultural Democracy*” semua kaum mempunyai hak yang sama. Menurut DAP konsep “demokrasi budaya” ialah “*an equal multi-racial society presupposes that no one race exercises political, social or cultural hegemony over the others...*”²⁴

Isu penubuhan Universiti Merdeka sebenarnya telah dicetuskan oleh *Dongjiaozong* atas alasan bersesuaian dengan dasar kepelbagaian bahasa namun kemudiannya dijadikan modal politik oleh DAP bagi meraih sokongan kaum Cina mengkusarkan MCA. Justeru itu, MCA telah mencadangkan penubuhan *TAR College* sebagai satu langkah untuk menentang gerakan penubuhan universiti tersebut. Dalam Mesyuarat Agung MCA pada 6-8 Mac 1969, MCA telah mengumumkan kejayaannya menubuhkan Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR),²⁵ di mana kelulusan penubuhan kolej tersebut telah diperolehi pada 14 Julai 1968, iaitu sebelas hari selepas permohonannya dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan.²⁶ *TAR College* telah memulakan operasinya pada bulan Februari 1969 di atas tapak sementara dengan mengambil buat permulaannya sebanyak 350 orang pelajar. Penubuhan *TAR College* adalah hasil dari sumbangan kaum Cina melalui kempen yang diadakan oleh MCA. Manakala kerajaan turut berjanji memberi bantuan kewangan kepada *TAR College*. Penubuhan *TAR College*

telah disaingi dengan cadangan penubuhan Universiti Merdeka. Kam Woon Wah, Setiausaha Agung MCA pada 17 Mac 1969, telah mengeluarkan kenyataan bahawa projek penubuhan Universiti Merdeka akan mengakibatkan “salah faham” yang besar dalam kalangan masyarakat Cina, kerana isu tersebut telah dieksploitasi oleh parti politik (terutama DAP). Polisi MCA tidak menentang Universiti Merdeka, namun MCA tidak akan memberi sokongan terhadap penubuhan universiti tersebut kerana *TAR College* telah berjaya ditubuhkan.²⁷

Isu bahasa yang telah sedia menjadi isu yang paling kontraversi di sepanjang tahun 1967 ketika pembentangan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 di Parlimen, kembali menjadi isu utama dalam pilihan raya 1969. DAP melalui manifesto mereka telah berikrar untuk memperjuangkan supaya bahasa Cina, Tamil dan Inggeris menjadi bahasa rasmi di samping bahasa Melayu. Di samping itu, mereka turut memperjuangkan supaya ketiga-tiga bahasa tersebut bebas digunakan dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. PPP semenjak sekian lama menjuarai perjuangan menuntut dasar multi-lingualisme, turut memperjuangkan matlamat yang sama melalui manifesto mereka dalam pilihan raya 1969.²⁸

Bagi menghadapi cabaran dari PAS yang menjuarai isu agama dan kepentingan Melayu dalam pilhan raya 1969, Perikatan telah menggunakan dua strategi. Pertama cuba mengaitkan PAS dengan pengaruh Parti Komunis Malaya di sempadan Thailand. Strategi ini dapat dilihat apabila, En. Ahmad bin Yatim seorang ahli PAS yang juga ahli Dewan Undangan Rantau Panjang, Kelantan, telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam operasi serbuan besar-besaran polis ke atas anasir-anasir pro-komunis pada tahun 1968. Ibu Pejabat PAS Kuala Lumpur telah menafikan tokoh-tokoh PAS menjadi alat Komunis. Dakwaan tersebut menurut PAS adalah bertujuan untuk melumpuhkan PAS dalam menghadapi pilihan raya 1969.²⁹ Manakala Tunku Abdul Rahman telah mengeluarkan kenyataan pada 19 November 1968, bahawa Parti Komunis Malaysia mungkin melancarkan semula pemberontakan bersenjata pada bila-bila masa sahaja. Justeru itu, tindakan kerajaan melaksanakan operasi menangkap golongan yang disyaki pro-Komunis adalah untuk mempertahankan demokrasi.³⁰ Strategi kedua yang digunakan oleh Perikatan ialah, menekankan bahawa kerajaan PAS telah gagal membuat pembangunan di Kelantan semenjak PAS memerintah dari tahun 1959. UMNO telah mengeluarkan satu manifesto khas untuk Kelantan pada 10 April 1969 yang mengandungi janji kerajaan untuk memperuntukkan RM550 juta bagi tujuan pembangunan Kelantan.³¹

Kesimpulan

Pilihan raya 1969 secara jelas menunjukkan peralihan sokongan orang Melayu terhadap UMNO/Perikatan disebabkan parti dilihat oleh sebahagian daripada orang Melayu sebagai gagal memenuhi aspirasi orang Melayu yang mahu melihat kepentingan orang Melayu dijaga dan sosioekonomi mereka ditingkatkan. Manakala peralihan sokongan kaum bukan Melayu daripada menyokong MCA kepada parti-parti pembangkang disebabkan kebimbangan mereka terhadap penghakisan kepentingan hak-hak kaum bukan Melayu oleh kaum Melayu, keperihatinan terhadap pengekalan jati diri, tuntutan terhadap pelaksanaan hak bahasa, politik dan pendidikan yang lebih luas dan kejayaan *electoral arrangement* dalam kalangan parti-parti pembangkang bukan Melayu. Walau bagaimanapun, kempen-kempen yang dijalankan oleh parti-parti politik telah meningkatkan ketegangan hubungan kaum dan kegembiraan merayakan kemenangan

parti-parti politik pembangkang Cina telah menguris perasaan orang Melayu, ditambah dengan kebimbangan orang Melayu terhadap penghakisan penguasaan politik mereka telah meledakkan konflik kaum berdarah pada 13 Mei 1969.

NOTA HUJUNG

¹ Lihat R.K.Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm. 163.

² Pada tahun 1965, PAP mula mengambil inisiatif menubuhkan sebuah pakatan pembangkang bagi menentang Perikatan. Lee Kuan Yew, pemimpin PAP telah mengadakan mesyuarat dengan pemimpin parti pembangkang Cina di Tanah Melayu termasuk dari Sarawak dan Sabah pada 12 Februari 1965 di Singapura. Matlamat daripada perjumpaan tersebut adalah untuk membincangkan cara bagaimana untuk memberi tekanan kepada golongan radikal Melayu yang terdapat dalam Perikatan. Mesyuarat tersebut telah mencadangkan penubuhan *Malaysia Solidarity National Convention* yang berpaksikan kepada dasar "Malaysian Malaysia". Dalam mesyuarat tersebut menyebutkan kumpulan yang mendukung dasar "Malaysian Malaysia" mestilah bersatu dan memimpin kumpulan masing-masing untuk "lead their people away from contending militant communalism, which could only lead to disaster". (PREM 13/480, Relation Between Kuala Lumpur and Singapore). PAP telah menyertai *United Democratic Party* (UDP) di bawah pimpinan Dr. Lim Chong Yu, PPP dan *Sarawak United People's Party* (SUPP) membentuk *Malaysian Solidarity Convention*.

³ Cabaran PAP terhadap persetujuan antara kaum yang telah dicapai dapat dilihat melalui pilihan raya umum Malaysia pada tahun 1964. Walaupun Lee Kuan Yew dilihat secara berhati-hati tidak menyerang secara langsung kedudukan istimewa orang Melayu dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, tetapi beliau telah mempersoalkan asas pemerintahan Melayu atau ketuanan Melayu. Beliau memperjuangkan dasar kesamaan status orang Melayu dengan kaum bukan Melayu dengan mengenegahkan slogan "Malaysian Malaysia", bukannya "Malay Malaysia". Lee Kuan Yew telah menolak "persetujuan bersejarah" yang meletakkan ketuanan Melayu dalam pemerintahan dan pentadbiran sebagaiimbangan kepada kuasa ekonomi dan perniagaan kaum Cina. (Cheah Boon Kheng, *Malaysia: The Making of a Nation*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2002, hlm. 53).

⁴ R.K. Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm. 164.

⁵ *The Straits Times*, 8 April 1964.

⁶ *Utusan Melayu*, 19 Ogos 1958.

⁷ D.K. Mauzy, *Coalition Government in Malaysia*, hlm. 36-37. Pada peringkat DUN, Perlis-Perikatan memenangi 11, PAS 3; Kedah-Perikatan 14, PAS 8, Gerakan 2; Kelantan-Perikatan 11, PAS 19; Terengganu, -Perikatan 13, PAS 11; Pulau Pinang, -Perikatan 4, Gerakan 16, DAP 3 dan Parti Ra'ayat 1; Perak- Perikatan 19, PAS 1, Gerakan 2, PPP 12, dan DAP 6; Pahang- Perikatan 20, Gerakan 1, Parti Ra'ayat 2, Bebas, 1; Selangor-Perikatan 14, Gerakan 4, DAP 9 dan Bebas 1; Negeri Sembilan- Perikatan 16, DAP 4, Gerakan 1; Melaka-Perikatan 15, DAP 4, Gerakan 1; Johor-Perikatan 30, DAP 1 dan Bebas 1. (Lihat Siaran Akhbar Jabatan Penerangan Malaysia, 11 Mei 1969).

⁸ FCO 24/475/1, The Malaysia Election: May 1969, 29 May 1969.

⁹ FCO 24/475/1, The Malaysia Election: May 1969, 29 May 1969.

¹⁰ FCO 24/475/1, Malaysia Situation-Conversation with Yeo Beng Poh, 18 June 1969.

¹¹ R.K. Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm. 176.

¹² FCO 24/475/1, Kuala Lumpur Telegram NO. 484 to FCO.

¹³ Paridah Abd. Samad, *Tun Abdul Razak*, hlm. 77-78.

¹⁴ Menurut Datuk Senu Abdul Rahman parti pembangkang seperti *Socialist Front* dan DAP telah menggunakan perarakan tersebut sebagai "satu kempen isu politik yang sungguh-sungguh membakarkan. Saya rasa siapa yang melihat cara dan gaya perarakan itu dibuat memang kalau orang yang prokerajaan ataupun terutama sekali orang Melayu yang akan terasa sungguh-sungguh penghinaan yang ditunjukkan kepada mereka...semua perkara-perkara itu pun sudah membaa perasaan dendam, kemudian selepas pilihan raya manakala keputusan telah diketahui dan Selangor boleh dikatakan 50/50 kedudukan. Parti-parti lawan terutama sekali DAP dan parti-parti penyokongnya, *Socialist Front* dan sebagainya telah mengadakan kempen sebagaimana yang kita tahu semua iaitu perarakan besar-besaran melalui segala jalan terutama sekali masuk ke Kampung Baru. Di situlah yang sebenarnya meletup dendam dan kemarahan orang Melayu manakala perarakan itu sengaja dibuat menghina pemimpin-pemimpin Melayu, menghina kerajaan dan sebagainya..." (Lihat Sharifah Zawiyah Hanoun Syed Kabeer, Mahani Mohammad, *Transkripsi Wawancara Dengan Y.B. Datuk Senu bin Abdul Rahman*, Arkib Negara Malaysia, 1984, hlm. 162-163).

¹⁵ Umpamanya pada 11 Mei 1969, perarakan DAP di Jalan Brickfields bagi meraikan kemenangan calon DAP bagi Parlimen Bangsar ketika mereka melintasi balai polis Brickfields mereka telah memekik dengan

kata-kata “apa polis boleh buat-kita raja” dan “buang semua polis Melayu”. Sementara perarakan yang diorganisasi oleh Gerakan pada 10 malam di Jalan Changkat Dollah, penyokong parti Gerakan telah menjerit “Kuala Lumpur sekarang Cina punya”. Di Kg. Baru mereka telah menjerit dengan kata-kata “Melayu keluar-apa lagi dudok sini, “Kita hentam lu, sekarang kita besar” dan lain-lain kata penghinaan (Lihat *The May 13 Tragedy: A Report the National Operation Council*, 1969, hlm. 29-35). Laporan yang sama disebutkan dalam fail *FCO 24/475/1*, Kuala Lumpur Telegram N0.484 to FCO).

¹⁶ Lihat Tunku Abdul Rahman, *13 Mei Sebelum dan Selepas*, hlm. 65-83.

¹⁷ Lihat 2002/0010781, “Democratic Action Party, 1969 General Election Manifesto”, Arkib Negara Malaysia.

¹⁸ R.K. Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm. 171.

¹⁹ R.K. Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, hlm. 33.

²⁰ R.K. Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, hlm. 29.

²¹ Lihat *FCO 24/485*, Telegram from Kuala Lumpur to Exter 647, 8 May 1969.

²² *The May 13 Tragedy: A Report The National Operations Council*, Kuala Lumpur, 9 October 1969, hlm. 24.

²³ *Ibid.*, hlm. 21.

²⁴ Lihat Democratic Action Party, 1969 General Election Manifesto “Our Appeal to All Malaysians”.

²⁵ *FCO 24/475/1*, MCA 19th Annual General Meeting, 6-8th March 1969.

²⁶ Thock Ker Pong, *Ketuanan Politik Melayu*, hlm. 51-52.

²⁷ *FCO 24/475/1*, MCA 19th Annual General Meeting, 6-8th March 1969.

²⁸ R.K. Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, hlm. 33.

²⁹ *Berita Harian*, 12 November 1968.

³⁰ *Berita Harian*, 20 November 1968.

³¹ R.K. Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm. 167.